

**MAJLIS GEMILANG PUTRA 2025
23 MEI 2025 (JUMAAT) | 8:00 PAGI |
DEWAN BESAR, PKKSSAAS**

SALUTASI

- 1) ~~YANG BERBAHAGIA DATO' PROF. IR. DR. AHMAD FARHAN
MOHD SADULLAH,
NAIB CANSOLOR, UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA~~**
- 2) YANG BERUSAHA TUAN MUHAZAM MANSOR
PENDAFTAR UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA MERANGKAP
PENGURUSI MAJLIS GEMILANG PUTRA 2025**
- 3) AHLI JAWATANKUASA PENGURUSAN UNIVERSITI**
- 4) PEGAWAI-PEGAWAI KANAN UNIVERSITI**
- 5) PRESIDEN-PRESIDEN KESATUAN DAN PERSATUAN**
- 6) PENERIMA ANUGERAH YANG DIRAIKAN**
- 7) DAN SETERUSNYA HADIRIN DAN HADIRAT SEKALIAN.**

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dan pujian bagi Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan keizinan-Nya jua, maka dapat kita hadir ke Majlis Gemilang Putra (MGP) 2025 pada pagi ini. Alhamdulillah dengan berkat usaha warga UPM pelbagai kejayaan dan pencapaian diterima oleh universiti di peringkat kebangsaan, mahupun antarabangsa. Saya yakin, mentaliti kelas pertama, serta asas paling penting bagi seorang pekerja, iaitu penjagaan kesihatan fizikal dan mental, pastinya menjadi penentu utama produktiviti kita dalam menghadapi tahun-tahun yang mendatang.
2. Penganjuran majlis seumpama ini adalah sebagai tanda keprihatinan universiti dan ruang khusus mengiktiraf serta penghargaan terhadap komitmen, modal insan berkualiti dan iltizam warga UPM yang telah menunjukkan prestasi cemerlang sepanjang tahun 2024, dan juga mereka yang telah banyak menabur jasa dan bakti serta sumbangan yang tidak ternilai di menara ilmu yang bertuah ini.
3. Sambutan Hari Pekerja 2025 peringkat kebangsaan yang diraikan dengan tema 'Pekerja Kesuma Bangsa' memberikan signifikan yang penting kepada kita semua. Tema ini membawa makna mendalam tentang nilai murni, semangat dedikasi dan jati diri tinggi yang dimiliki oleh setiap individu yang bergelar pekerja.

4. Saya berkeyakinan penuh bahawa warga UPM yang berada di sini pada hari ini merupakan penjawat awam yang cemerlang, berdedikasi dan berketrampilan tinggi. Maka, majlis pada pagi ini sebagai apresiasi dan sumbangsih serta penghargaan kepada usaha tuan-tuan dan puan-puan yang telah mempamerkan prestasi kerja dan memberikan khidmat bakti yang membanggakan. TAHNIAH.
5. Tahun 2025 adalah tahun untuk kita semua mengambil tindakan berasaskan kerangka strategik yang telah diperkenalkan. Kita akan terus memperkasakan usaha dan yang lebih penting mencapai hasil untuk enam (6) perkara teras dan lima (5) elemen asas yang menjadi intipati kepada kerangka "True-North UPM". Saya yakin kita mampu nekadkan matlamat, tingkatkan usaha dan bijak beraksi untuk mencapai hasil yang diinginkan.
6. UPM akan terus memainkan peranan dan fungsinya sebagai sebuah universiti bereputasi antarabangsa melalui penglibatan secara aktif khususnya dalam bidang pertanian dan keterjaminan makanan disamping bidang-bidang lain yang akan menjadi tujahan UPM untuk masa depan negara dan tamadun manusia.
7. Adalah menjadi harapan saya agar seluruh warga UPM akan terus melakarkan kejayaan demi kejayaan dan menunjukkan

budaya kerja yang berprestasi tinggi, berintegriti dan bersemangat dalam melaksanakan tugas seharian. Visi dan Misi UPM perlu menjadi hala tuju semua warga universiti dan semua usaha strategik perlulah ke arah pencapaian hasil serta berpaksikan nilai yang memastikan keterangkuman dan kesaksamaan.

8. Pada kesempatan ini, saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada semua penerima anugerah dan kepada semua warga UPM yang telah mempamerkan prestasi cemerlang sepanjang tahun 2024. Saya percaya kesungguhan dan keikhlasan warga UPM dalam melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan memberi impak yang cemerlang dalam memastikan prestasi perkhidmatan berada di landasan yang terbaik. Sesungguhnya jasa bakti, kesetiaan dan komitmen warga UPM yang tidak berbelah bahagi adalah sangat dihargai. Semoga anda semua terus menjadi inspirasi kepada warga UPM yang lain. InsyaAllah.
9. Anugerah cemerlang yang bakal disampaikan ini juga diharap dapat menjadi pendorong kepada staf lain, sama ada yang baharu atau lama untuk terus memberikan kualiti perkhidmatan yang terbaik dari segala aspek, dan menjadikan fungsian UPM sebagai sebuah universiti penyelidikan bertaraf dunia yang kompetitif dapat dilestarikan.

10. Sesungguhnya kecemerlangan sesebuah universiti bukan hanya bergantung kepada aspek luaran dan kemudahan infrastruktur yang kondusif sahaja, tetapi turut dijana menerusi keupayaan, kemahiran, keperibadian dan komitmen tinggi aset utamanya, iaitu sumber manusia. Sumber manusia yang diperlukan oleh universiti mestilah berilmu, memiliki teras kemahiran yang bersesuaian, dan berfikiran strategik, kreatif, dan kritis agar kekal relevan dengan peredaran masa dan prestasi universiti. Dengan pemikiran sebeginilah, akan wujudnya percambahan ilmu pengetahuan, berinovatif, perkembangan pelbagai bidang penyelidikan baharu, dan penyampaian perkhidmatan yang lebih efisien. Selain keikhlasan dalam menunaikan setiap tanggungjawab, berintegriti dalam setiap tata kelola dengan niat murni melaksanakan tugas yang diamanahkan sebagai suatu ibadah.

11. Sikap positif, disiplin yang tinggi dan pengamalan budaya kerja cemerlang wajar dijadikan sebagai "role model" kepada warga kerja UPM. Kesiapsiagaan dalam melakukan penjajaran dan penyesuaian cara kerja, kepantasan mengadaptasi persekitaran kerja sememangnya wajar diberikan penghargaan dan pengiktirafan.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

12. Di sinilah peranan universiti sebagai Menara Ilmu menterjemahkan nilai teras Malaysia MADANI dalam membantu kerajaan khususnya dan masyarakat amnya melalui inisiatif perkongsian ilmu, pengayaan cetusan idea yang kreatif, dan inovatif dalam aspek kerja yang dapat meningkatkan kualiti dan produktiviti kepada organisasi, yang merangkumi perubahan dalam bentuk sistem dan prosedur, kaedah dan cara bekerja, mahupun dengan penggunaan teknologi.

13. Bagi memastikan perkhidmatan dan fungsi universiti terus kekal relevan dan signifikan, semua warga UPM perlu gigih berusaha untuk menambah baik prosedur kerja sedia ada. Adalah menjadi harapan saya agar seluruh warga UPM akan terus melakarkan kejayaan demi kejayaan dan menunjukkan budaya kerja yang berprestasi tinggi, berintegriti dan bersemangat dalam melaksanakan tugas seharian.

Tuan-tuan dan puan-puan yang diraikan sekalian

14. Pengurusan UPM sentiasa memandangi tinggi sumbangan dan jasa bakti tuan-tuan dan puan-puan. Kepada warga UPM yang telah atau bakal menempuh alam persaraan. Ingatlah bahawa persaraan bukanlah pengakhiran dalam memberikan khidmat bakti kepada masyarakat dan negara. Pengalaman dan ilmu pengetahuan yang ada pada tuan-tuan dan puan-puan boleh dikongsikan sebagai pedoman kepada warga kerja UPM dalam menjalankan tugas dengan lebih cekap dan efisien. Saya doakan agar sentiasa diberi rahmat keafiatan yang baik dan semoga memori sepanjang berada di UPM menjadi kenangan terindah yang akan terpahat dalam sanubari kita semua.

15. Saya sekali lagi ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada warga UPM yang menerima anugerah, dan mereka yang diraikan pada hari ini. Anugerah yang bakal disampaikan, bukan sahaja sebagai tanda menghargai sumbangan dan bakti staf universiti, tetapi anugerah tersebut menjadi pendorong dan teladan kepada staf lain, sama ada yang baharu atau lama untuk terus menawarkan kualiti perkhidmatan yang terbaik. Dengan anugerah ini juga, diharapkan ia mendorong warga UPM lebih inovatif, kreatif dan produktif bagi menjulang martabat universiti di persada antarabangsa.

16. Sekali lagi, saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada Ahli Jawatankuasa Penganjur yang telah berusaha memastikan kelancaran dan membuat persiapan rapi bagi menjayakan majlis hari ini.

17. Tidak dilupakan sekalung penghargaan dan terima kasih kepada Persatuan Pegawai Akademik, Persatuan Pentadbir, Kesatuan Kakitangan Am (KEPERTAMA) dan Kesatuan Kakitangan Sokongan UPMKB (KEPEKASA), yang terus memberikan sokongan dan dokongan dalam menjayakan setiap program dan aktiviti yang dianjurkan. Tahniah kepada jawatankuasa penganjur majlis dan semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam penganjuran majlis ini.

Saya mengakhiri ucapan saya dengan lafaz mulia **Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Waramatullahi Wabarakatuh.**

Sekian, terima kasih.